مجليس باندراي ملاک برسجاره

# MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
# BANDARAYA WARISAN DUNIA

## *KENYATAAN SEBUT HARGA*

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang **berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan. Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan memenuhi syarat **Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** iaitu **masih berkuatkuasa dan berstatus "PATUH"** serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini dan **tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berkaitan:-

| BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA | SYARAT PENDAFTARAN | HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL | TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT | TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP |
|---|---|---|---|---|
| **MBMB/SH/2026/43**<br><br>**MEMBINA SEBUAH DEWAN TERBUKA DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN KRUBONG PERDANA, MB MELAKA BERSEJARAH**<br><br>**PERUNTUKAN : KPKT**<br><br>**TARIKH KELULUSAN : 25/05/2026**<br><br>**NO. FAIL JABATAN : MBMB/JK/01065(P)** | **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**<br><br>Gred G3 (Seluruh Negeri Melaka)<br><br>Kategori B<br><br>Pengkhususan B04 | **HARGA**<br><br>**RM10.00**<br>*** Tidak akan dikembalikan**<br><br>**TARIKH**<br><br>**3 Jun 2026 (Rabu) sehingga 10 Jun 2026 (Rabu)** | **3 Jun 2026 (Rabu)**<br>Jam 11.30 pagi. Berkumpul di **Jalan KP 17, Taman Krubong Perdana, Melaka.**<br><br>Koordinat Lokasi : **2.328394, 102.243928**<br><br>1. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**<br><br>2. Hanya pegawai syarikat yang di tauliahkan di dalam sijil (SPKK) yang sah sahaja dibenarkan membuat pendaftaran Lawatan Tapak<br><br>3. Surat Kebenaran Khas daripada CIDB adalah **TIDAK DIBENARKAN** | **TARIKH**<br><br>**10 Jun 2026 (Rabu) pada jam 12.00 tengahari**<br><br>Serahan tangan : Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.<br><br>----------<br><br>Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. |

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat https://stom.melaka.gov.my. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM10.00 bermula pada **3 Jun 2026 (Rabu) sehingga 10 Jun 2026 (Rabu).**

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan).** Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,
**DATUK BANDAR**
**Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah**

sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PK
Ketua Audit Dalam